



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI PERLIS SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Penduduk Perlis: Kecil Negeri, Luas Aspirasi”

11 OGOS 2025

AUDITORIUM, ARAS 2,

**PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA,
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)**





Disediakan oleh:

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
NEGERI PERLIS**

**FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI (FPK)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

15 September 2025

Telefon : +604-9761272

Laman Sesawang : www.lppkn.gov.my

Emel : perlis@lppkn.gov.my

Facebook : Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

X : @lppkn

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	3
2.0 UCAPAN ALUAN 1	4
3.0 UCAPAN ALUAN 2	9
4.0 UCAPAN PERASMIAN	11
5.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	19
6.0 FORUM KEPENDUDUKAN - “Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan Dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”	28
7.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PERLIS	54
8.0 LIPUTAN MEDIA.....	56
9.0 MAKLUM BALAS PESERTA	68

1.0 PENDAHULUAN

Bersempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Perlis dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis, Pejabat EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar Negeri Perlis, serta Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan Seminar Kependudukan Negeri Perlis 2025 pada 11 Ogos 2025 di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP. Seminar ini berlangsung bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pada pukul 2.00 petang. Seminar ini membincangkan isu-isu berkaitan dinamika kependudukan moden, khususnya penurunan kadar kesuburan di Perlis, dan langkah strategik bagi menanganinya. Seramai 212 orang peserta telah menghadiri seminar yang terdiri daripada 70 orang pelajar UniMAP dan peringkat diploma dan ijazah sarjana muda, 58 orang staf UniMAP dan 84 orang peserta terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan NGO luar. Objektif seminar ini diadakan untuk mengupas punca dan implikasi kelewatan perkahwinan dalam kalangan penduduk Perlis terhadap kadar kesuburan, menyediakan platform wacana ilmiah untuk penggubal polisi, penyelidik, ahli akademik, dan pihak berkepentingan dan merangka cadangan intervensi dan dasar berasaskan bukti bagi memperkukuh institusi perkahwinan serta keseimbangan hidup berkeluarga.

2.0 UCAPAN ALUAN 1

Yang Berusaha Encik Adzmel Mahmud, Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga mewakili Ketua Pengarah LPPKN telah menyampaikan ucapan alu-aluan Seminar Kependudukan Negeri Perlis 2025 (SKNP 2025).



Kerajaan sentiasa komited melalui pelaksanaan dasar, inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi untuk menangani isu-isu ini. Selain Kementerian Ekonomi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) juga terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dasar, inisiatif dan program untuk menghadapi isu penurunan kadar kesuburan dan negara menua di Malaysia.”



Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada **Yang Berhormat Puan Wan Badariah Wan Saad, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar Negeri Perlis** atas kesudian sekali lagi menerima kunjungan saya ke negeri “Perlis yang Damai dan Menawan” ini.

Beliau mewakili seluruh Keluarga Besar LPPKN ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Puan Wan Badariah serta Kerajaan Negeri Perlis** yang sentiasa menyokong LPPKN khususnya LPPKN Negeri Perlis dalam agenda pengukuhan institusi keluarga. Tanpa sokongan pihak Kerajaan Negeri tidak mungkin objektif yang dihasratkan dapat direalisasikan.

Terima kasih juga khusus kepada YBhg. Dato’ Profesor Ts. Dr. Zaliman Sauli, Naib Canselor, Universiti Malaysia Perlis atas kesudian menjalinkan kerjasama strategik bersama LPPKN bagi penganjuran seminar ini.

Tanpa kerjasama yang erat daripada pihak Yang Berhormat/YBhg. Datuk/tuan/puan, mustahil untuk LPPKN Negeri Perlis mampu menyampaikannya perkhidmatan kepada seluruh Keluarga Besar Perlis.

ISU DAN CABARAN KEPENDUDUKAN NEGERI PERLIS

Negara Malaysia seperti kebanyakan negara lain sedang menjadi negara menua disebabkan oleh penurunan kadar kesuburan sebagai faktor utama. Kadar Kesuburan Jumlah atau *Total Fertility Rate (TFR)* merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang wanita terus hidup hingga akhir tempoh umur reproduktifnya (antara umur 15 hingga 49 tahun). Sebagai perbandingan, TFR di Malaysia telah menurun daripada 4.0 orang anak pada tahun 1980 kepada 1.7 orang anak pada tahun 2023.

Negeri Perlis antara negeri yang menunjukkan penurunan dalam Kadar Kesuburan Jumlah (*TFR*) yang kini telah mencapai kadar 1.7 pada tahun 2023. Selain itu, negeri Perlis turut mencatatkan penurunan bagi bilangan kelahiran hidup sebanyak 3,878 pada 2023 berbanding 4,392 kelahiran pada 2016. Kedua-dua indikator demografi ini menunjukkan tahap kesuburan di negeri Perlis sedang mengalami penurunan.

Penurunan kadar kesuburan masa kini berkait rapat dengan perubahan gaya hidup penduduk, termasuk peningkatan kos sara hidup, kecenderungan berkahwin lewat, serta perubahan aspirasi keluarga moden. Faktor seperti peningkatan penyertaan wanita dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerja turut mempengaruhi keputusan berkaitan pembentukan keluarga. Di samping itu, keinginan untuk memiliki saiz keluarga yang lebih kecil disebabkan oleh pertimbangan kewangan, komitmen kerjaya dan keutamaan peribadi turut menyumbang kepada penurunan Kadar Kesuburan Jumlah (*TFR*). Masalah kesihatan reproduktif dan ketidaksuburan juga menjadi antara penyebab yang perlu diberi perhatian dalam menangani isu ini secara menyeluruh.

Sehubungan itu, adalah tepat pada masanya seminar ini diadakan bagi membincangkan langkah dan dasar yang perlu diambil bagi memperlahankan penurunan kadar kesuburan dan menyiapkan negeri Perlis dalam menghadapi arus pantas perubahan demografi yang berlaku dengan menyediakan pelan perancangan dan pelaksanaan program melalui tiga teras utama iaitu kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia.

PENGANJURAN SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI PERLIS 2025 SEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

Hari Penduduk Sedunia diperkenalkan sebagai respons kepada peristiwa bersejarah pada 11 Julai 1987 apabila populasi dunia mencecah 5 bilion orang. Menyedari kepentingan isu-isu kependudukan terhadap pembangunan global, *United Nations Development Programme* (UNDP) telah mencetuskan idea sambutan ini, yang kemudiannya mula diraikan secara rasmi mulai Julai tahun 1989. Pada tahun berikutnya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

mengiktiraf Hari Penduduk Sedunia sebagai satu inisiatif global yang disambut setiap tahun. Malaysia turut menyahut seruan tersebut dan mula menyertai sambutan ini bersama lebih 190 negara lain sejak tahun 1990, selaras dengan saranan daripada United Nations Population Fund (UNFPA) untuk memperkukuh kesedaran dan kerjasama antarabangsa dalam menangani cabaran kependudukan sejagat.

Sempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 yang bertemakan **“Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”**. Tema ini sangat bertepatan dengan landskap penduduk Perlis hari ini kerana menekankan keperluan dasar yang menyokong anak muda menghadapi cabaran ekonomi, sosial dan kesihatan reproduktif. Hak untuk membina keluarga bukan sahaja melibatkan aspek fizikal, tetapi juga sokongan emosi, sosial dan struktur sekeliling seperti majikan, keluarga dan komuniti. Akses kepada pendidikan kekeluargaan, perkhidmatan kesihatan reproduktif serta dasar mesra belia amat penting untuk memperkasa mereka membina keluarga yang stabil dan sejahtera.

Sebagai makluman, advokasi berkaitan kesuburan melalui **Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI)** telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Ianya salah satu inisiatif oleh Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan kelahiran disamping memberi kesedaran berkaitan faktor-faktor kesuburan.

Hadirin semua telah mengikuti forum yang mengangkat tajuk yang sama dengan tema global tahun ini yang telah dibincangkan oleh tiga (3) orang ahli panel berkaliber dan berwibawa daripada Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Majlis Perbandaran Kangar.

Sebelum itu juga satu pembentangan kertas kerja yang sangat signifikan dan berinformasi mengenai senario dan trend pertumbuhan penduduk negeri Perlis yang memberi gambaran kepada kita semua akan impak dan implikasi faktor kependudukan dalam pembangunan negeri yang kita cintai.

Beliau berharap perbincangan dalam seminar pada hari ini dapat mendedahkan kita kepada pelbagai perspektif tentang isu ini, serta memperkayakan wacana dasar sosial dan pembangunan keluarga khususnya di negeri Perlis.

Isu kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif bukanlah tanggungjawab satu pihak semata-mata, sebaliknya memerlukan komitmen kolektif merentas agensi serta jabatan. Sehubungan itu, diharap Kerajaan Negeri dapat mengiktiraf kepentingan dapatan penyelidikan dalam bidang ini sebagai asas yang kukuh untuk memperkukuh pembuatan dasar, merancang intervensi yang bersasar serta menggubal program yang lebih menyeluruh dan berkesan.

3.0 UCAPAN ALUAN 2

Prof. Ir. Dr. Rizalafendi Che Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menyampaikan Ucapan Aluan Seminar Kependudukan Negeri Perlis 2025 (SKNP 2025).



Beliau mewakili pihak UniMAP mengalu-alukan kehadiran YB Wan Badariah Wan Saad dan delegasi LPPKN ke universiti ini. UniMAP juga amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan LPPKN Negeri Perlis dalam menjayakan seminar ini yang bertujuan membincangkan isu-isu penting berkaitan kependudukan dan keluarga – isu yang tidak hanya menyentuh statistik semata-mata, tetapi mencerminkan realiti sosial dan ekonomi masyarakat kita hari ini.

Tidak dilupakan sekalung penghargaan buat jawatankuasa penganjur atas komitmen dan kerjasama bagi menjayakan seminar pada hari ini.

Tema seminar ini iaitu Penduduk Perlis : Kecil Negeri, Luas Aspirasi amat bertepatan dengan cabaran semasa yang dihadapi oleh negeri Perlis – dari aspek struktur umur penduduk, penghijrahan belia, kadar kesuburan yang berubah, dan kesannya terhadap pembangunan sosioekonomi, perancangan bandar, dan kelestarian alam sekitar.

Dalam hal ini, universiti seperti UniMAP mempunyai peranan penting bukan hanya sebagai pusat ilmu, tetapi sebagai rakan strategik dalam menyediakan data, analisis dan sumbangan ilmiah untuk membantu pembuat dasar dan agensi pelaksana seperti LPPKN.

Beliau percaya, seminar ini dapat menjadi platform perkongsian pintar antara ahli akademik, agensi kerajaan, masyarakat dan pihak industri untuk bersama-sama merangka pendekatan yang lebih inklusif dan lestari dalam menangani cabaran demografi di negeri ini.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, beliau menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada LPPKN kerana sudi bekerjasama dengan UniMAP menerusi Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) bagi merealisasikan seminar yang penuh manfaat ini.

4.0 UCAPAN PERASMIAN

Yang Berhormat Puan Wan Badariah Wan Saad, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Perpaduan Dan Alam Sekitar, Negeri Perlis telah menyampaikan Ucapan Perasmian di Seminar Kependudukan Negeri Perlis 2025 (SKNP 2025).



Ucapan tahniah kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Perlis atas komitmen dan kesungguhan menganjurkan seminar pada hari ini dalam menyemarakkan kesedaran awam terhadap isu-isu kependudukan yang kian mencabar di peringkat negeri dan global. Terima kasih juga kepada YBhg. Dato' Profesor Ts. Dr. Zaliman Sauli, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis selaku rakan strategik bagi pelaksanaan

seminar pada hari ini. Terima kasih juga kepada semua peserta serta para hadirin yang turut hadir untuk memberi sokongan padu bagi memeriahkan seminar pada hari ini.

Sebagai makluman, 11 Julai setiap tahun merupakan Hari Penduduk Sedunia dan sambutan tahun 2025 mengetengahkan tema **“Memperkasa golongan muda untuk membentuk keluarga yang mereka inginkan dalam dunia yang adil dan penuh cabaran”**.

Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Perlis mencatatkan jumlah penduduk seramai lebih 297,000 orang pada tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, 12.2% adalah penduduk berumur 60 tahun ke atas. Ini menunjukkan bahawa Perlis sedang bergerak ke arah menjadi negeri menua menjelang 2030.

Kadar kesuburan kasar (*Crude Birth Rate*) Perlis juga menunjukkan penurunan yang ketara daripada 17.5 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2016, kepada hanya 13.2 pada tahun 2023. Justeru, perubahan struktur umur ini memerlukan pendekatan yang menyeluruh dalam dasar pembangunan bukan sekadar pada aspek kesihatan dan sosial tetapi juga kepada ekonomi, perumahan dan penjagaan jangka panjang.

CABARAN KEPENDUDUKAN DI NEGERI PERLIS

Trend penurunan kadar kelahiran Negeri Perlis mencerminkan keperluan untuk merangka dan melaksanakan dasar yang menyokong keluarga muda, termasuk inisiatif yang dapat meringankan kos hidup, meningkatkan akses kepada penjagaan anak yang berkualiti serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga agar pasangan muda lebih bersedia dan yakin untuk membina keluarga.

Isu kesihatan reproduktif dan kesihatan mental dalam kalangan remaja serta wanita kini semakin membimbangkan dan perlu ditangani secara menyeluruh. Peningkatan kes kehamilan tidak dirancang, tekanan emosi yang dihadapi ibu muda, serta cabaran psikososial remaja akibat pengaruh media digital dan persekitaran sosial yang kompleks, menuntut respons segera dan berkesan. Oleh itu, sudah tiba masanya kita melaksanakan intervensi yang bersifat menyeluruh merangkumi pendidikan kesihatan reproduktif yang komprehensif, perkhidmatan kaunseling yang mudah dicapai, serta sokongan psikososial yang inklusif dan mesra remaja.

Apa yang lebih membimbangkan, data menunjukkan semakin ramai anak muda menanggukkan perkahwinan. Tekanan kos sara hidup, ketidaktentuan kerjaya, serta cabaran perumahan dan kesihatan reproduktif menyumbang kepada keputusan mereka untuk melewatkan pembentukan keluarga. Fenomena ini menjejaskan jangka masa kesuburan wanita dan seterusnya mengurangkan peluang untuk mencapai saiz keluarga yang diimpikan.

Negeri Perlis, sebagai negeri yang kecil dari segi saiz dan jumlah penduduk, akan lebih cepat merasai impak perubahan demografi ini. Isu tenaga kerja, ketidakseimbangan antara penduduk tua dan muda, serta keperluan intervensi dasar yang lebih pantas dan bersasar semakin ketara. Ini bukan hanya persoalan bilangan, tetapi juga kualiti hidup dan kesejahteraan keluarga.

Justeru itu Kerajaan Negeri bersama-sama LPPKN Negeri Perlis sentiasa berusaha memperkasa institusi keluarga dengan menyediakan persekitaran yang menyokong kesejahteraan keluarga, membina ketahanan keluarga dalam menghadapi cabaran sosial dan ekonomi serta menggalakkan pembangunan potensi setiap anggota keluarga.

PERANAN STRATEGIK KERAJAAN NEGERI PERLIS

Kerajaan Negeri Perlis komited untuk memperkukuh perancangan kependudukan. Antara inisiatif yang disokong termasuk akses kepada rawatan kesuburan melalui **Program Bantuan IUI dan Advokasi Infertiliti (BuAI)**.

Program ini menawarkan perkhidmatan ujian kesuburan dan rawatan *inseminasi intrauterin*/permanian beradas (IUI) secara **percuma** kepada **1,300 pasangan yang layak. Bagi negeri Perlis, seramai 100 orang pasangan** disasarkan mendapat bantuan ini. Inisiatif ini memberikan harapan baharu kepada wanita yang masih menanti peluang untuk bergelar ibu, sekaligus membantu lebih ramai pasangan merealisasikan impian untuk membina keluarga.

Selain itu, perkhidmatan kaunseling keluarga, perkahwinan dan pendidikan kekeluargaan kepada semua golongan dan peringkat juga masih tersedia dan kerajaan negeri amat menyokong inisiatif seperti ini bagi kebaikan seluruh penduduk Perlis.

Namun, kita akui bahawa peranan dasar lebih besar diperlukan. Kerajaan perlu mewujudkan persekitaran yang mesra keluarga melalui dasar pekerjaan fleksibel, akses kepada penjagaan anak yang mampu milik, sokongan kewangan untuk pasangan muda dan pelaburan dalam pendidikan reproduktif yang komprehensif. Hanya dengan langkah bersifat menyeluruh dan inklusif, kita dapat membantu rakyat mencapai impian mereka untuk berkeluarga.

SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI PERLIS

Saya difahamkan antara pengisian pada hari ini merupakan pembentangan kertas kerja dan forum kependudukan bagi membincangkan isu penurunan kadar kesuburan serta kesan dan cabarannya kepada negeri dan negara. Forum ini merupakan platform yang amat bertepatan untuk merumuskan langkah-langkah serta dasar yang bersesuaian bagi memperlambatkan penurunan kadar kesuburan, menyesuaikan struktur sokongan sosial dan merangka pelan jangka panjang yang menjamin keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan keluarga dalam landskap demografi yang semakin mencabar.

Melalui forum dan pembentangan dalam seminar ini juga, kita dapat melihat bagaimana isu kesuburan berkait rapat dengan kelangsungan ekonomi, kesejahteraan sosial dan pasaran tenaga kerja. Apabila kadar kelahiran menurun, soalnya bukan hanya tentang jumlah bayi tetapi kesan rantaian kepada struktur umur tenaga kerja, kemampuan negara menampung keperluan warga emas, dan kecekapan sistem sokongan keluarga.

Beliau percaya, pandangan dan dapatan daripada panel jemputan yang berpengalaman dalam forum sebentar tadi amat bernilai, dan boleh dijadikan input utama dalam merangka dasar serta program intervensi berkaitan isu kependudukan, institusi kekeluargaan dan kesihatan reproduktif.

Beliau memaklumkan bahawa sambutan Hari Penduduk Sedunia pada tahun ini cukup istimewa kerana buat julung kalinya ia disambut secara rasmi di peringkat negeri. Usaha ini bertujuan menyuburkan kefahaman tentang kepentingan data kependudukan, peranan institusi keluarga serta isu-isu kesihatan reproduktif. LPPKN Negeri Perlis telah menunjukkan komitmen tinggi dengan menjalin pelbagai jaringan strategik bersama agensi-agensi kerajaan negeri, bagi menjayakan pelbagai aktiviti ilmiah seperti seminar dan forum yang berlangsung hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat.

Beliau berharap program yang berlangsung hari ini telah berjaya menjadi medan pertukaran pandangan yang bermakna, sekali gus mencetuskan idea-idea segar ke arah pembentukan dasar yang mampan dan berdaya tahan. Meskipun negara sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran kependudukan yang semakin

kompleks, saya percaya kita masih mampu melakar halatuju yang progresif dan seimbang asalkan perancangan berpaksikan realiti, data dan inklusiviti.

Dalam merangka masa depan, kita tidak boleh mengeneipkan suara generasi muda. Kita perlu membina sebuah negara yang menyokong mereka membentuk keluarga dalam suasana yang stabil, adil dan penuh harapan. Golongan ini bukan sahaja pewaris, tetapi pemacu kepada hala tuju baharu negara.

Beliau amat yakin, dengan adanya kerjasama strategik antara pelbagai pihak serta iltizam dan komitmen bersama, kita mampu melahirkan generasi baharu yang bukan sahaja cemerlang dari segi ilmu dan teknologi, malah berjiwa besar, berintegriti, kreatif, bertanggungjawab serta bersedia memainkan peranan aktif dalam memacu kemajuan Negeri Perlis dan Malaysia secara keseluruhannya.

Akhir kata, beliau sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada rakan strategik Universiti Malaysia Perlis, jabatan dan agensi serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan seminar pada hari ini.





5.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Untuk Sesi Pertama iaitu Pembentangan Kertas Kerja, sebanyak empat (4) kertas kerja telah dibentangkan dengan memberi pengkhususan kepada tiga (3) fokus utama SKSP 2025 iaitu (i) sosio-ekonomi; (ii) kesihatan (*infertility*); dan (iii) kekeluargaan. Sesi ini telah dikendalikan oleh Encik Ahmad Hifzurrahman Ridzuan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Pengajian Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis sebagai Moderator.

Kerta kerja 1: Penduduk Berkualiti, Negeri Beraspirasi: Memperkasakan Modal Insan Perlis sebagai Pemacu Kemakmuran Sosioekonomi

Oleh: Profesor Madya Dr. Rabeatul Husna Abdul Rahman dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Arau, Perlis

Strategi Memperkasa Modal Insan Perlu Menumpukan Kepada Peningkatan Kadar Penyertaan Dalam Pasaran Buruh, Terutamanya Dalam Kalangan Belia Dan Siswazah. Langkah Ini Harus Disokong Melalui Peluasan Akses Kepada Latihan Kemahiran, Pengukuhan Hubungan Antara Institusi Pendidikan Dan Industri, Serta Pembangunan Sektor Ekonomi Tempatan Seperti Pertanian Pintar Dan Pelancongan Komuniti. Dengan Pendekatan Yang Bersifat Inklusif, Kontekstual Dan Berpaksikan Data, Perlis Berpotensi Membina Struktur Pembangunan Modal Insan Yang Produktif, Berdaya Saing Dan Menyumbang Secara Langsung Kepada Kemakmuran Sosioekonomi Negeri Menjelang Tahun 2030.



Objektif:

Untuk membincangkan strategi pembangunan modal insan bagi pertumbuhan sosioekonomi di Perlis

Dapatan Utama:

- Perlis berdepan cabaran dalam kadar penyertaan tenaga buruh, pengangguran graduan, kadar Belia NEET (*Not In Employment, Education And Training*) serta isu penuaan penduduk.
- Sektor utama seperti pertanian sukar menarik minat golongan muda, sekali gus berisiko menyebabkan kehilangan ilmu dan menjejaskan keselamatan makanan.
- Kerjasama pelbagai pihak antara kerajaan, institusi pendidikan dan industri amat penting bagi pembangunan modal insan yang lebih terarah.
- Program peningkatan kemahiran, latihan industri yang bermakna, serta pembelajaran berasaskan kerja boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Isu Utama:

Gambaran Demografi Perlis

- Populasi dianggarkan sekitar 300,000 pada tahun 2024 (49.9% lelaki, 50.1 perempuan)
- 72% terdiri daripada golongan usia bekerja (15-64 tahun).
- Trend penuaan ketara dalam kumpulan umur 60 tahun ke atas.
- Seramai 124,900 individu bekerja pada tahun 2023.
- Hanya 26% bekerja di Perlis, manakala selebihnya bekerja di negeri lain.

Penyertaan Tenaga Buruh

- Kadar penyertaan tenaga buruh pada suku tahun pertama 2025 ialah 63.3% lebih rendah berbanding kadar nasional 70.7%.
- Seramai 133,000 individu bekerja pada suku tahun pertama 2025.
- Kadar pengangguran sebanyak 3.3% sedikit lebih tinggi berbanding kadar nasional 3.1%.
- Tenaga buruh graduan meningkat daripada 30,200 pada 2020 kepada 35,200 2023.
- Kebimbangan timbul berikutan peningkatan graduan di luar tenaga buruh daripada 10,200 (2020) kepada 12,700 (2023).

Faktor Gaji

- Gaji median di Perlis: RM1,794 (berbanding RM3,045 median nasional).
- Kedua terendah dalam senarai gaji median di Malaysia.
- Hanya sedikit melebihi keperluan asas bagi individu bujang (RM1,387 perbelanjaan minimum)
- Gaji rendah berpotensi menjadi faktor penyumbang kepada penghijrahan keluar tenaga kerja.

Belia NEET

- Kadar NEET di Malaysia ialah 13.4% pada tahun 2023, dengan trend peningkatan setiap tahun.
- 28.6% daripada belia NEET mempunyai pendidikan menengah.
- 9.7% daripada belia NEET mempunyai pendidikan tinggi.

- Keadaan ini menggambarkan potensi tenaga kerja yang masih belum dimanfaatkan.

Unjuran Populasi Menua

- Populasi dijangka mencecah 317,000 menjelang tahun 2030.
- 9.5% (1 daripada 10 orang) terdiri daripada penduduk berumur 65 tahun ke atas.
- Perlis sedang beralih daripada status “menua” kepada status “tua”.
- Implikasi termasuk penyusutan tenaga kerja aktif, pengurangan tenaga mahir serta kebimbangan terhadap produktiviti.
- Sektor pertanian amat terdedah akibat tenaga kerja yang semakin menua dan kurangnya minat daripada golongan belia.

Strategi Pembangunan Modal Insan

- **Pembelajaran berterusan untuk belia/graduan:**
 - Memanfaatkan latihan dalam talian percuma/
 - Mengikuti mikro-kredensial daripada institusi tempatan dan antarabangsa.
 - Meneroka program kemahiran digital (Digital Train and Place, GLOW).
 - Menggunakan papan pemuka *MyFutureJobs* untuk perancangan kerjaya.
- **Latihan industri dan pembelajaran berasaskan kerja yang dipertingkatkan:**
 - Menjadikan latihan industri lebih bermakna dan relevan.

- Melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan kerja dalam kurikulum.
- Bekerjasama secara rapat dengan rakan industri.
- **Penglibatan industri:**
 - Menggalakkan program inovasi pertanian untuk pelajar.
 - Memanfaatkan sepenuhnya levi HRDF bagi latihan pekerja.
 - Membangunkan potensi pelancongan (eko-pelancongan, warisan budaya, mesra muslim)
- **Inisiatif kerajaan:**
 - Menubuhkan unit penyelarasan strategik pembangunan modal insan.
 - Melaksanakan kajian khusus (profil NEET, keberkesanan program).
 - Memperkasakan portal usahawan Perlis sebagai pusat rujukan menyeluruh.

Cadangan tindakan:

- Melaksanakan program pembelajaran berterusan untuk belia dan graduan.
- Memperkukuh kerjasama industri – akademia bagi latihan industri dan pembelajaran berasaskan kerja.
- Membangunkan sektor pertanian dan pelancongan untuk menarik minat golongan muda.
- Menubuhkan mekanisme bersepadu pembangunan modal insan di peringkat negeri.
- Melaksanakan kajian mengenai profil belia NEET dan keberkesanan program sedia ada.

- Mempertingkatkan sokongan keusahawanan melalui penambahbaikan sumber dalam talian dan rangkaian.

Rumusan

Secara keseluruhan, pembangunan sosioekonomi Perlis hanya dapat dicapai sekiranya potensi modal insan dimanfaatkan sepenuhnya. Masih terdapat segmen penduduk, khususnya graduan dan belia NEET.

Melalui kerjasama erat antara kerajaan negeri, institusi pendidikan, industri dan agensi berkaitan, Perlis berpotensi melahirkan modal insan yang berdaya saing, berkemahiran tinggi serta mampu menyumbang kepada kemakmuran negeri dan negara.

Abstrak Kertas Kerja Sisipan 1: Rekonstruksi Kemanusiaan Terhadap Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif Islam

Pembangunan modal insan yang holistik memerlukan kerangka komprehensif berasaskan wahyu Ilahi. Sebagai al-Din yang universal, Islam menawarkan paradigma tawhidik yang mengintegrasikan dimensi spiritual, intelektual dan sosial dalam membentuk insan unggul. Artikel ini menganalisis konsep pembangunan modal insan berkualiti menurut perspektif Islam melalui pendekatan analisis kandungan teks al-Quran, hadis dan penulisan karya ulama. Metodologi kajian menggunakan analisis kandungan kualitatif dengan pendekatan tematik terhadap teks-teks utama Islam. Data primer diperoleh melalui tafsir tematik ayat-ayat al-Quran berkaitan pembangunan insan, manakala data sekunder merangkumi karya-karya ulama klasik serta sarjana kontemporari. Analisis dilakukan melalui tiga fasa: (1) pengkodan terbuka, (2) pengenalpastian tema, dan (3) penyepaduan konsep. Dapatan kajian mengenalpasti lima dimensi utama pembangunan modal insan Islami: (1) spiritual (Surah al-Dharyat:56), (2) intelektual (Surah al-Imran:190-191), (3) akhlak (Surah al-Qalam:4), (4) teknikal (Surah al-Mulk:15), dan (5) sosial (Surah al-Hujurat:13). Kajian ini mencadangkan Model Pembangunan Modal Insan Tawhidik (TPIM) yang mengintegrasikan: (1) islamisasi ilmu kontemporari, (2) pendidikan STEM berteraskan nilai Islam, dan (3) ekonomi beretika berasaskan maqasid syariah. Penemuan kajian amat relevan dengan agenda pembangunan negara, khususnya dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Artikel ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memberikan kerangka teoritis yang menyeluruh untuk pembangunan modal insan

dari perspektif Islam, sekaligus mengisi jurang antara teori Islam dan aplikasi kontemporari.

Abstrak Kertas Kerja Sisipan 2: Melangkaui Sempadan Geografi: Potensi dan Peluang Pelajar Perlis dalam Arena Global

Kertas kerja konseptual ini meneroka potensi dan peluang pelajar Perlis untuk menyerlah di arena global, meskipun berasal dari negeri terkecil di Malaysia. Berlandaskan tema "Penduduk Perlis: Kecil Negeri Luas Aspirasi" sempena Hari Penduduk Sedunia, kajian ini mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi pelajar, termasuk keterbatasan geografi dan infrastruktur, tahap kesedaran peluang antarabangsa yang rendah, penguasaan Bahasa Inggeris yang perlu dipertingkatkan, serta kekurangan jaringan antarabangsa. Walau bagaimanapun, pelajar Perlis memiliki potensi besar yang berakar umbi pada nilai budaya tempatan dan ketekunan.

Kertas ini berpandukan kerangka konsep Aspirasi Global dari Tempat Tempatan, Keadilan Akses Peluang Pendidikan Global, dan Penggunaan Teknologi sebagai Pemangkin. Cadangan tindakan strategik yang dikemukakan meliputi pelaksanaan program pertukaran maya dan hibrid antarabangsa, penubuhan Pusat Kecemerlangan Global Pelajar Perlis, pembangunan kandungan tempatan bertaraf antarabangsa, latihan guru dan pendidik untuk pendedahan global, serta sokongan polisi dan geran khas pendidikan global. Kesimpulannya, dengan pendekatan holistik dan sokongan pelbagai pihak, Perlis berupaya melahirkan modal insan global yang cemerlang, membuktikan bahawa saiz geografi bukanlah penghalang kepada aspirasi dan pencapaian yang luas.

Abstrak Kertas Kerja Sisipan 3:Kesehatan Mental Belia Sebagai Asas Keluarga Bahagia

Pembentangan ini membincangkan isu kesihatan mental dalam kalangan belia sebagai asas penting kepada pembentukan keluarga yang diimpikan dalam dunia yang adil dan penuh harapan. Golongan muda kini berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti tekanan sosial, krisis identiti, ketidakstabilan ekonomi, serta stigma terhadap isu kesihatan mental. Tanpa intervensi yang menyeluruh dan inklusif, keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan belia untuk membina hubungan kekeluargaan yang stabil. Kertas kerja ini mencadangkan beberapa strategi seperti pendidikan kesihatan mental di peringkat awal, perkhidmatan kaunseling mesra belia, dan sokongan ekonomi yang dapat membantu memperkasa belia secara menyeluruh. Kesimpulannya, membina keluarga yang sejahtera memerlukan komitmen kolektif untuk memastikan kesihatan mental belia terus diberi keutamaan dalam dasar dan tindakan pihak yang berkaitan.

Sila imbas kod QR di bawah bagi mendapatkan akses kepada kertas-kertas kerja penuh dan buku program digital pembentang kertas kerja



6.0 FORUM KEPENDUDUKAN - “Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan Dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”

Seminar diteruskan dengan sesi forum dan panel yang menghadiri forum ini iaitu tiga (3) ahli panel jemputan. Sesi forum ini dijalankan sebanyak tiga (3) pusingan dan setiap panel diberikan 10 minit untuk menjawab soalan yang diajukan oleh moderator.

Moderator:

Encik Ahmad Hifzurrahman Ridzuan

Pensyarah,
Jabatan Bahasa & Pengajian Umum,
Fakulti Perniagaan & Komunikasi,
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Ahli Panel:

Panel 1: YBrs. Dr. Norfazilawaty Abdul Latif

Pakar Obstetriks & Ginekologi,
Hospital Tuanku Fauziah, Kangar,
Perlis.

Panel 2: YBrs. Dr. Muhammad Asyraf Mohd Kassim

Pensyarah Kanan,
Fakulti Perniagaan & Komunikasi,
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Panel 3: YBrs. Tuan Haji Affendi Rajini Kanth

Tuan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kangar, Perlis



Sesi forum dimulakan dengan pertanyaan daripada Encik Ahmad Hifzurrahman Ridzuan, Moderator kepada ahli panel forum YBrs. Dr. Norfazilawaty Abdul Latif diikuti Dr. Muhammad Asyraf Mohd Kassim dan YBrs. Tuan Haji Affendi Rajini Kanth.

Encik Ahmad Hifzurrahman Ridzuan



Pusingan Pertama

Soalan 1:

Sebagai ahli akademik, bagaimanakah kaedah terbaik untuk mengubah kecenderungan kelewatan perkahwinan ke arah usaha membina keluarga mawaddah wa rahmah di Perlis? Apakah cabaran yang dihadapi dalam usaha membinanya?

YBrs. Dr. Norfazilawaty Abdul Latif



Cabaran dan Kesedaran Mengenai Kesuburan

- Tahap kesuburan wanita berada pada **puncak antara umur 20 hingga 35 tahun**, namun mula menurun selepas usia 35 tahun dan semakin merosot selepas 40-45 tahun.
- **Perkahwinan lewat** meningkatkan risiko kesukaran untuk hamil serta mengehadkan bilangan anak yang boleh diperoleh.

- **Kesedaran mengenai kesuburan masih rendah**, ramai pasangan hanya mendapatkan nasihat perubatan setelah berdepan masalah untuk memperoleh zuriat.
- **Proses siasatan kesuburan memerlukan masa**, tidak dapat dilakukan serta-merta dan melibatkan pelbagai pemeriksaan.
- **Ujian terhadap suami lebih mudah** (analisis air mani), manakala **pemeriksaan terhadap isteri lebih kompleks** (imbasan, ujian hormon, prosedur lanjut).
- **Punca ketidaksuburan seimbang**, iaitu sekitar 50% daripada pihak suami dan 50% daripada pihak isteri.
- **Kelewatan mendapatkan rawatan kesuburan** menjadi faktor utama masalah berpanjangan.
- Walaupun **ilmu tentang kesihatan reproduktif lebih mudah diperoleh** (contohnya melalui media sosial), masih ramai pasangan yang lambat bertindak kerana:
 - Anggapan kos rawatan terlalu tinggi.
 - Kurangnya perbincangan antara suami isteri.
 - Persepsi salah terhadap rawatan seperti IVF.
- **Tiga faktor utama kelewatan mendapatkan zuriat:**
 - Perkahwinan pada usia lewat.
 - Kelewatan mendapatkan rawatan kesuburan.
 - Kurang tindakan segera walaupun sudah ada pengetahuan

Faktor-faktor ini perlu ditangani dengan pendekatan bersepadu, melibatkan kesedaran individu, sokongan pasangan serta akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif yang lebih meluas dan mesra masyarakat.

Soalan 2:

Sebagai ahli akademik, bagaimanakah kaedah terbaik untuk mengubah kecenderungan kelewatan perkahwinan ke arah usaha membina keluarga mawaddah wa rahmah di Perlis? Apakah cabaran yang dihadapi dalam usaha membinanya?

YBrs. Dr. Muhammad Asyraf Mohd Kassim



Pembentukan Keluarga Mawaddah wa Rahmah

- **Perkahwinan sebagai tuntutan agama:**
 - Perintah Allah SWT untuk menjauhi zina.
 - Perkahwinan adalah sunnah Nabi SAW.
 - Membina keluarga yang sah, harmoni dan diredai Allah.
- **Konsep Mawaddah wa Rahmah:**
 - Mawaddah = kasih sayang dalam keluarga dari awal hingga akhir hayat.
 - Rahmah = belas kasihan, tolak ansur, saling menyayangi antara pasangan dan anak-anak.

- Amalan kasih sayang ini menjadikan rumah tangga kekal bahagia.
- **Niat dan tujuan perkahwinan:**
 - Menunaikan tuntutan agama.
 - Mengelakkan diri daripada zina.
 - Mengikut sunnah Rasulullah SAW
 - Melahirkan zuriat yang baik secara halal.
- **Peranan ketua keluarga (suami/ayah):**
 - Bertanggungjawab membimbing keluarga.
 - Menjadi contoh teladan kepada isteri dan anak-anak.
 - Dipersoalkan di akhirat atas kepimpinannya dalam keluarga.
 - Mencontohi akhlak, pertuturan dan kepimpinan Rasulullah SAW dalam rumah tangga.
- **Amalan keluarga beragama:**
 - Membawa amalan agama ke dalam rumah (solat berjemaah, membaca Al-Quran, menjaga adab dan tutur kata).
 - Ibu bapa menjadi model kerana anak-anak mencontohi tingkah laku mereka.
 - Masa bersama ibu bapa lebih banyak berbanding di sekolah, maka contoh baik di rumah sangat penting.
- **Bimbingan untuk anak muda:**
 - Bila ada keinginan untuk berkahwin, lakukan dengan cara yang betul.
 - Rujuk dan berbincang dengan ibu bapa terlebih dahulu.
 - Sabar dalam mencari jodoh serta libatkan ibu bapa dalam keputusan perkahwinan.

- Menghadiri kursus kahwin dan mendapatkan ilmu daripada ustaz/ahli agama.
- **Kunci membina keluarga bahagia:**
 - Niat yang betul.
 - Perancangan yang baik.
 - Pelaksanaan yang teratur.
 - Disertai dengan doa, usaha dan amalan agama dalam kehidupan seharian.

Soalan 3:

Sebagai seorang PBT, apakah usaha dan dasar yang diambil oleh Majlis Perbandaran Kangar dalam isu kependudukan di Perlis yang dikaitkan dengan trend melewatkan perkahwinan sehingga memberi kesan kepada sosioekonomi negeri ini?

YBrs. Tuan Haji Affendi Rajini Kanth



Trend Perkahwinan Lewat dan Implikasinya terhadap Faktor Sosioekonomi

- **Faktor sosioekonomi memang mempengaruhi** keputusan untuk berkahwin di semua peringkat.
- **Kos sara hidup dan kestabilan pekerjaan** menjadi antara sebab utama kelewatan perkahwinan.

- Ada juga yang **tidak berkahwin kerana faktor peribadi** – contohnya:
 - Takut komitmen atau tanggungjawab.
 - Trauma dengan keluarga atau pengalaman lalu.
 - “Belum jumpa jodoh” walaupun sudah berusaha.
- **Peranan individu lebih dominan** – walaupun ada pengaruh sosioekonomi, akhirnya pilihan untuk berkahwin adalah keputusan peribadi.
- **Perkahwinan bukan sekadar satu pihak**, tetapi perkongsian dua hala (*give & take*).
- Ada yang beranggapan “kahwin itu senang” dan ada pula yang merasa sebaliknya dan ia bergantung kepada pilihan dan kesediaan masing-masing.
- **Konsep “another half”** – pasangan melengkapkan satu sama lain tanpa keseimbangan, keluarga sukar mencapai kebahagiaan.
- **Niat dan tujuan perkahwinan** perlu jelas – kembali kepada tuntutan agama, sunnah Nabi SAW dan matlamat membina keluarga mawaddah wa rahmah.

Soalan reflektif kepada belia:

- Dalam 5 atau 10 tahun akan datang, di manakah kedudukan kita?
- Adakah masih sama, atau sudah berubah dengan adanya pasangan dan keluarga?
- **Kesimpulannya**, isu kahwin lambat tidak boleh dilihat dari satu sudut sahaja. Ia melibatkan sosioekonomi, peribadi, nilai agam dan pilihan individu.
- **Cadangan:** Adalah perlu lebih banyak forum, diskusi dan kesedaran untuk memberi kefahaman kepada belia tentang perkahwinan dan keluarga.

Pusingan Kedua

Soalan 1:

Bagaimana pandangan Dr. dari sudut kesihatan reproduktif tentang gaya hidup dan kesannya terhadap institusi keluarga di Perlis?

Kesihatan Ibu dan Anak:

- Matlamat utama pakar sakit puan adalah melahirkan **ibu yang sihat** dan mengurangkan **kadar kematian ibu**.
- **Kematian ibu** adalah indikator kesihatan negara serta KPI antarabangsa untuk menilai tahap sistem kesihatan.
- Selepas kelahiran, fokus diberikan pada **anak yang sihat**, termasuk usaha mengurangkan kadar **kematian bayi di bawah 5 tahun**.

Faktor Gaya Hidup:

- **Aktiviti fizikal:** Kurang bergerak menyumbang kepada masalah kesihatan.
- Aktiviti mudah seperti berjalan meningkatkan oksigen, kesihatan mental dan semangat hidup.

Pemakanan:

- Pengambilan minuman **3-1 tinggi gula** dan akan menyebabkan obesiti seterusnya akan mengganggu ovulasi (telur tidak keluar).
